

Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi: Kajian Penggunaan *Translanguaging*

Malay Language Learning in a Globalised Era: Research on the Use of Translanguaging

MOHAMED AIDIL SUBHAN BIN MOHAMED SULOR

ABSTRAK

Dalam konteks pendidikan dwi-bahasa yang berpusatkan bahasa Inggeris dan perancangan bahasa yang berpaksikan bahasa Mandarin, Singapura menghadapi cabaran getir dalam bukan sahaja melestarikan bahasa Melayu, tetapi menentukan kewujudan berterusan bahasa tersebut dalam konteks sebuah negara kosmopolitan. Banci penduduk 2015 menunjukkan peratusan keluarga Melayu menggunakan bahasa Melayu di rumah semakin menurun dibandingkan dengan penggunaan bahasa Inggeris (www.singstat.gov.sg) Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan Singapura melalui Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang telah memberi geran kajian untuk meninjau penggunaan bahasa lazim (bahasa yang sering digunakan pelajar – bahasa Inggeris) untuk mencapai objektif pembelajaran bahasa sasaran (bahasa yang hendak dipelajari – bahasa Melayu). Kertas kerja ini meninjau konsep pembelajaran bahasa dengan menggunakan pendekatan translanguaging di sebuah sekolah rendah di Singapura. Pengkaji akan menjelaskan konsep translanguaging serta pengimplementasiannya dalam kelas tersebut. Selain daripada itu, kertas kerja ini juga akan menjelaskan cabaran yang dihadapi serta saranan untuk meluaskan penggunaan pendekatan ini dalam konteks penggunaan bahasa Melayu terhadap mereka yang lebih fasih berbahasa Inggeris. Kajian awal menunjukkan pencapaian pemahaman semakin meningkat apabila bahasa lazim pelajar digunakan dalam pembelajaran bahasa sasaran.

Kata kunci: Pembelajaran Bahasa Melayu; era globalisasi; translanguaging

In a bilingual education context that is English-knowing and Mandarin-inspired, Singapore faces an uphill task in ensuring the vitality of the Malay language in the context of a cosmopolitan country. The 2015 Census Report indicated that the percentage of Malay household using Malay at home has steadily decreased compared to their use of English (www.singstat.gov.sg). To address this issue, the Ministry of Education Singapore, through the National Institute of Education, Nanyang Technological University gave out a grant to research on the use of familiar language (English Language) in the learning of a specified target language (Malay Language). This research paper will focus on the use of translanguaging in a neighbourhood primary school in Singapore. The researcher will explain the concept of translanguaging and its implementation in the classroom. This paper will also attempt to indicate some of the issues pertaining the use of translanguaging. Initial research shows that the use of a familiar language has shown a slight increase in the understanding of students' comprehension of text in the target language.

Keywords: Learning of Malay language; globalization; translanguaging

PENGENALAN

Sistem dwi-bahasa yang diamalkan Singapura unik bukan sahaja dari segi bentuknya, tetapi juga unik dari segi pengimplementasiannya. Bentuk sistem dwi-bahasa amalan Singapura unik dari segi bentuknya kerana ia berpusatkan bahasa Inggeris (Pakir 2004), iaitu pembelajaran bahasa Inggeris untuk setiap mata pelajaran kecuali bahasa ibunda pelajar tersebut. Bahasa ibunda ini juga ditetapkan, pada mulanya, hanya bahasa Mandarin untuk pelajar berketurunan Cina, bahasa Melayu untuk pelajar berketurunan Melayu dan bahasa Tamil untuk pelajar berketurunan India. Dari segi pengimplementasiannya pula unik kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda (terdiri daripada bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil) ditetapkan penggunaannya sebagai repositori budaya atau *cultural repository* sahaja. Sistem dwi-bahasa yang diamalkan semenjak 1956 ini telah melahirkan rakyat Singapura yang fasih berbahasa Inggeris dan berupaya mengekalkan identiti Asia mereka melalui bahasa ibunda yang dipelajarinya. Formula ini telah menjadikan Singapura maju dan melonjak dari status Dunia Ketiga kepada Dunia Pertama dalam masa kurang 50 tahun.

Namun demikian, anjakan ekonomi dan kejayaan Singapura ini telah memberi cabaran hebat kepada ketiga-tiga bahasa ibunda yang mana pengajarannya dihadkan kepada pembelajaran budaya dan nilai kehidupan masing-masing. Walaupun penggunaan bahasa Mandarin semakin meningkat semenjak negara China mengamalkan ekonomi terbuka pada tahun 90an, bahasa Melayu dan bahasa Tamil (sebagai dua bahasa minoriti) menghadapi cabaran yang hebat untuk mengekalkan kerelevanannya. Kertas kerja ini akan mengungkap latar belakang sistem dwi-bahasa Singapura dan cabarannya terhadap bahasa Melayu berserta langkah yang diambil agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tetap segar dan mengikut perubahan persekitarannya. Strategi menggunakan *translanguaging* ini dilihat sebagai satu daripada banyak cara untuk menyemarakkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar yang rata-rata lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris bukan hanya di sekolah, tetapi juga di rumah.

SISTEM DWI-BAHASA SINGAPURA DAN KESANNYA TERHADAP BAHASA MELAYU

Dasar bahasa di Singapura berpaksikan dwi-bahasa, iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perniagaan dan bahasa ilmu, dan bahasa ibunda sebagai bahasa mengajar kebudayaan dan nilai. Dasar dwi-bahasa ini telah mula terancang semenjak tahun 1956 berdasarkan saranan *All-Party Report* yang mana setiap bahasa masyarakat majmuk Singapura diajar di sekolah-sekolah termasuk bahasa Inggeris. Walaupun tujuan utama *All-Party Report* adalah tertumpu kepada pelestarian pembelajaran dan penggunaan bahasa Mandarin, ia juga telah menekankan dasar kesamarataan yang mana bahasa Melayu dan juga bahasa Tamil tidak diketepikan dalam sistem pendidikan Singapura.

Maka dari sinilah mulanya sistem dwi-bahasa Singapura yang sememangnya berbeza daripada sistem dwi-bahasa yang diguna pakai di negara-negara lain. Ini disebabkan sistem dwi-bahasa Singapura menekankan bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa ibunda, iaitu sama ada bahasa Mandarin, bahasa Melayu ataupun bahasa Tamil. Ini yang dinyatakan oleh Pakir (1991) sebagai “*English-knowing bilingualism*” atau sistem dwi-bahasa yang berpaksikan bahasa Inggeris. Setelah lebih 50 tahun dengan sistem dwi-bahasa yang sedemikian, bahasa Melayu masih dapat bertahan dan semakin berkembang penggunaannya terutama sekali dalam konteks pendidikan, iaitu melalui program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (MOE).

FASA PENDIDIKAN SINGAPURA

Untuk melihat bagaimana pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berkembang, kita perlu melihatnya dahulu dari konteks Fasa Pendidikan Singapura yang dilalui semenjak kemerdekaan pada tahun 1965. Menurut Aidil (2003) terdapat tiga Fasa Pendidikan yang dilalui Singapura setakat ini, iaitu Fasa Berteraskan Penakatan (1965 – 1978), Fasa Berteraskan Kecekapan (1979 – 1991) dan Fasa Berteraskan Kebolehan (semenjak tahun 1992).

FASA BERTERASKAN PENAKATAN (1965 – 1978)

Fasa ini saya namakan juga sebagai ‘*Golden Age*’ atau zaman kegemilangan bahasa Melayu di Singapura. Walaupun Singapura sudah berpisah dengan Malaysia, bahasa Melayu masih lagi memainkan peranan utamanya, iaitu sebagai bahasa perpaduan, bahasa perdagangan, dan juga bahasa pentadbiran (walaupun pada permulaan sahaja). Tertubuhnya Majlis Bahasa & Budaya

Kebangsaan pada tahun 1963 untuk meluaskan penggunaan bahasa Melayu di kalangan rakyat Singapura dan juga penjawat awam menjadi bukti akan kepentingan bahasa Melayu pada waktu itu. Setiap penjawat awam dimestikan mempelajari bahasa Melayu dan lulus peperiksaan peringkat rendah sebelum diterima bertugas secara sepenuh masa. Radio juga memainkan peranan dengan menyediakan ruang untuk pembelajaran Bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, melalui rancangan-rancangan khas yang dikelolakan oleh Majlis Bahasa & Budaya Kebangsaan. Namun, Majlis tersebut ditutup pada tahun 1969 setelah 4 tahun Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia atas alasan bahawa tugasnya sudah tamat.

Pada fasa ini juga berkembangnya sekolah-sekolah aliran Melayu di peringkat rendah, menengah dan juga pra-universiti. Sekolah-sekolah aliran Melayu yang terkenal pada ketika itu adalah Sekolah Rendah Melayu Pasir Panjang, Sekolah Rendah Tanglin Tinggi, Sekolah Melayu Kota Raja, Sekolah Menengah Yusof Ishak, Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Sekolah Menengah Monk's Hill, Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim, dan sebuah pusat pra-Universiti untuk aliran Melayu di Sekolah Menengah Bartley.

FASA BERTERASKAN KECEKAPAN (1979 – 1991)

Dalam fasa yang kedua, iaitu Fasa Berteraskan Kecekapan, penekanan terhadap bahasa Melayu semakin berkurangan. Sekolah-sekolah aliran Melayu semakin berkurangan disebabkan kemasukan yang menurun. Penekanan dalam pendidikan lebih terhadap penggunaan bahasa Inggeris, dan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa ibunda yang lain lebih digunakan sebagai repositori budaya.

Pada fasa ini juga, sistem pendidikan Singapura menghadapi perubahan untuk mengambil kira perbezaan kemampuan pelajar. Dalam laporan Goh (1978), penelitian terhadap kemerosotan pencapaian bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris dalam sistem dwi-bahasa yang diterapkan menjadi tumpuan. Untuk mengatasi masalah ini, sistem pengaliran pelajar berdasarkan kemampuan masing-masing diperkenalkan. Dalam sistem ini, pelajar yang lemah pencapaian akademiknya, disalurkan ke sama ada aliran Lanjutan (*Extended*) atau Eka bahasa (*Monolingual*) di sekolah rendah dengan tambahan dua tahun pengajian. Di sekolah menengah pula, mereka

disalurkan ke aliran Biasa (Akademik) [*Normal (Academic)*] atau Biasa (Teknikal) [*Normal (Technical)*] dengan tambahan setahun pengajian.

FASA BERTERASKAN KEBOLEHAN (1992 HINGGA KINI)

Sistem pengaliran pelajar ini dikemaskinikan dalam fasa Berteraskan Kebolehan. Kebolehan pelajar semakin diperluaskan dan bukan sahaja tertakluk kepada aspek akademik, namun meliputi bidang non-akademik. Aspek kesihatan mental dan fizikal diberi tumpuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berdaya saing dalam era globalisasi.

Walaupun sudah tiada lagi sekolah aliran Melayu, penumpuan terhadap bahasa Melayu semakin meningkat dengan adanya pelbagai inisiatif yang tercetus daripada penubuhan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) pada tahun 2004. Ini merupakan julung-julung kalinya semakan yang berpusatkan kurikulum dan pedagogi dilaksanakan oleh MOE untuk subjek Bahasa Ibunda. Sebelum ini, jawatankuasa semakan yang terbentuk bertanggungjawab untuk melihat kesan serta bagaimana mengatasi kelemahan tertentu dari aspek sistem pentadbiran dan pelaksanaan program.

Oleh yang demikian, setelah melalui ketiga-tiga fasa ini, kita dapati bahawa dari segi perancangan bahasa Melayu dalam pendidikan, banyak yang telah berubah. Bahasa Melayu dari menjadi bahasa perpaduan dan perantaraan, kini berstatus bahasa ibunda dalam kerangka “*English-knowing bilingualism*” di Singapura. Namun, banyak inisiatif dan program dilaksanakan oleh pemerintah melalui agensi-agensinya untuk memupuk perkembangan bahasa Melayu. Inisiatif-inisiatif ini akan diperjelaskan lagi dalam bahagian seterusnya.

INISIATIF MEMPERKEMBANGKAN BAHASA MELAYU

Pada tahun 2004, Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) di bawah arahan Perdana Menteri Lee Hsien Loong telah menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum & Pedagogi Bahasa Melayu atau *Malay Language Curriculum & Pedagogy Review Committee* (MLCPRC). Ini merupakan kali pertama sesebuah jawatankuasa semakan pengajaran bahasa dikhususkan terhadap penyemakan keseluruhan kurikulum dan pedagogi. Perkara yang sama juga dilakukan untuk bahasa Mandarin dan Tamil. Antara sebab jawatankuasa MLCPRC ditubuhkan adalah kerana penurunan peratusan jumlah pelajar Melayu yang datang dari rumah di mana bahasa Melayu

menjadi bahasa utama, iaitu dari 82% pada 1996 kepada 71% pada tahun 2005 (MOE). Penurunan ini juga dapat dilihat melalui kadar penurunan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di rumah-rumah orang Melayu, iaitu dari 91.6% pada Banci 2000 kepada 82.7% pada Banci 2010. Banci 2015 menunjukkan bahawa tren penurunan ini semakin ketara, iaitu hanya 78.4% responden menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu di rumah.

BANCI PENDUDUK

Banci penduduk 2010 menunjukkan bahawa terdapat perubahan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat Melayu dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Banci 2010 menunjukkan bahawa peratusan orang Melayu umur 5 tahun ke atas yang menggunakan bahasa Melayu di rumah sebanyak 82.7%. Ini merupakan kejatuhan sebanyak 10% daripada banci penduduk tahun 2000 yang mana direkodkan peratusan 91.6 orang Melayu berumur 5 tahun ke atas bertutur dalam bahasa Melayu di rumah mereka. Penurunan ini sepadan dengan kenaikan peratusan orang Melayu yang bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah, iaitu dari 7.9% dalam banci 2000 kepada 17% dalam banci 2010. Kenaikan hampir 10%.

JADUAL1.1. Bahasa Dominan di Rumah Masyarakat Melayu yang Berumur Lima Tahun dan ke Atas (dalam %)

Bahasa di rumah	1980	1990	2000	2010
Inggeris	1.5	6.1	7.9	17.0
Melayu	97.7	93.7	91.6	82.7
Lain-lain	0.7	0.1	0.5	0.3

Sumber: MOE 2004: 60; Banci Penduduk, 2010: 26

Seperti yang dapat dilihat melalui jadual 1.1, kadar penurunan paling tinggi penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan di rumah adalah dari tahun 2000 (91.6%) kepada 2010 (82.7%), atau penurunan sebanyak 8.9%. Ini boleh kita bandingkan dengan penurunan 4% dari 1980 (97.7%) kepada 1990 (93.7%) dan 2.1% dari 1990 (93.7%) kepada 2000 (91.6%).

Sebagai penambahan, penurunan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan di rumah di kalangan masyarakat Melayu diikuti dengan kenaikan peratusan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan di rumah. Seperti yang dapat kita lihat melalui jadual 1.1, terdapat peningkatan sebanyak 15.5% di kalangan masyarakat Melayu yang merekodkan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan mereka di rumah di antara 1980 (1.5%) dan 2010 (17%). Dalam skala masa 10 tahun, peningkatannya lebih tinggi di antara 2000 (7.9%) hingga 2010 (17%), kenaikan sebanyak 9.1 peratusan mata. Antara 1980 (1.5%) dan 1990 (6.1%), peningkatannya adalah 4.6% dan hanya 1.8% di antara 1990 (6.1%) dan 2000 (7.9%). Secara keseluruhannya, peningkatan ini menunjukkan bahawa fenomena ‘English-knowing bilingualism’ telah meresapi rumah-rumah masyarakat Melayu dan akan terdapat kesan terhadap pelestarian bahasa Melayu jika sesuatu tidak dilakukan.

Satu fakta yang penting perlu juga diketengahkan, iaitu, 78,090 orang Melayu yang berumur 5 tahun ke atas dan sering menggunakan bahasa Melayu di rumah, 40,920 (atau lebih dari 50%) tinggal di rumah-rumah 5 bilik atau Eksekutif Lembaga Perumahan & Pembangunan atau Housing & Development Board (HDB) dan di kondominium-kondominium privet serta rumah-rumah privet seperti rumah teres dan banglo. Ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara penggunaan bahasa Inggeris di kalangan keluarga Melayu dan jenis kediaman mereka. Dalam konteks Singapura, saiz rumah yang besar atau jenis rumah privet menunjukkan status sosio-ekonomi yang lebih tinggi dan penghuninya terdiri daripada golongan professional atau individu atau keluarga yang berjaya. Oleh yang demikian, lebih tinggi status sosio-ekonomi seseorang itu, lebih tinggilah penggunaan bahasa Inggerisnya di rumah

Namun demikian, banci 2010 menunjukkan bahawa 47% graduan Melayu sering menggunakan bahasa Inggeris di rumah berbanding dengan hanya 4.4% daripada mereka yang mempunyai kurang daripada pendidikan menengah. Oleh yang demikian, terdapat semacam perkaitan antara penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan tahap pendidikan.

PERUBAHAN DEMOGRAFIK PENUTUR BAHASA MELAYU

Berdasarkan Laporan MLCPRC (MOE 2005), lebih ramai pelajar Melayu yang memasuki Darjah 1 tidak bertutur dalam bahasa Melayu di rumah atau bukan bahasa dominan di rumah atau di

kalangan rakan-rakan. Oleh yang demikian, terdapat keperluan genting untuk melihat kembali dan membina semula cara bahasa Melayu diajar kepada pelajar Melayu. Laporan MLCPRC tersebut menyatakan bahasa walaupun bahasa Melayu masih lagi bahasa dominan di majoriti rumah-rumah masyarakat Melayu, terdapat jumlah besar ibu bapa Melayu menggunakan bahasa Inggeris di rumah bersama anak-anak mereka (lihat Jadual 1.2).

JADUAL 1.2. Penggunaan Bahasa Ibu Bapa Melayu bersama Anak-anak Mereka

% ibu bapa bertutur dengan anak mereka menggunakan bahasa	Peringkat			
	P4	P6	S2	S4
Inggeris	9.9	10.6	10.8	10.1
Inggeris & Melayu	56.9	49.2	46.3	46.9
Melayu	28.7	36.8	40.1	39.4

Sumber: MOE 2004: 60

Jadual 1.2 menunjukkan peratusan ibu bapa Melayu yang bertutur sama ada bahasa Inggeris sahaja, bahasa Melayu sahaja, atau kededuanya. Jika kita lihat dengan lebih terperinci lagi, kita boleh nampak bahawa peratusan ibu bapa yang bertutur hanya dalam bahasa Melayu kepada anak-anak mereka lebih tinggi di peringkat menengah 2 atau S2 (40.1%) dan S4 (39.4%) berbanding dengan peringkat darjah 4 atau P4 (28.7%) dan P6 (36.8%). Perbezaan antara 11.4% dan 2.6%, menunjukkan bahawa generasi muda ibu bapa kurang menggunakan bahasa Melayu apabila bertutur dengan anak-anak mereka di rumah berbanding dengan generasi sebelumnya. Kesan peralihan ini akan dapat kita rasakan dengan lebih ketara lagi apabila pelajar-pelajar ini naik ke peringkat S2 and S4.

JADUAL 1.3. Pelajar Menggunakan Bahasa Melayu Bersama Saudara-Mara dan Rakan

% pelajar yang menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan bersama	Peringkat			
	P4	P6	S2	S4

Datuk & Nenek/Saudara yang lebih tua/pakcik/makcik	82.2	85.3	87.5	86.8
Bapa	76.0	79.2	81.4	78.9
Ibu	75.6	78.9	84.8	83.4
Adik Beradik	71.3	75.7	82.7	81.4
Sepupu	72.3	74.4	76.4	71.1
Rakan/Rakan kelas	51.1	57.5	74.4	71.8

Sumber: MOE 2004: 61

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa terdapat penurunan pada peratusan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar, terutama sekali pada peringkat persekolahan rendah. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan MOE pada tahun 2004, 82.2% pelajar P4 menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu apabila bertutur dengan saudara-mara, berbanding dengan 86.8% bagi pelajar S4. Ini merupakan penurunan sebanyak 4.6%. Seperkara lagi, terdapat penurunan yang serupa dalam penggunaan bahasa Melayu antara pelajar dan bapa (P4 – 76%, S4 – 78.9%) dan ibu (P4 – 75.6%, S4 – 83.4%), iaitu penurunan sebanyak 2.9% dan 7.8%. Penurunan paling tinggi sekali ialah di antara rakan dan rakan kelas, iaitu hanya 51.1% pelajar P4 menggunakan bahasa Melayu jika dibandingkan dengan 71.8% di kalangan pelajar S4, penurunan sebanyak 20.7%. Penurunan ini menunjukkan semakin kurangnya kadar penggunaan bahasa Melayu di kalangan generasi muda pelajar dalam perinterksian mereka dengan ahli keluarga dan rakan-rakan.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk meluaskan domain penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar agar mereka dapat menggunakan bahasa tersebut di dalam konteks penggunaan yang sesuai dan autentik. Selain daripada itu, terdapat juga keperluan untuk meninjau sama ada kelaziman penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar generasi muda ini boleh digunakan sebagai perancah untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

LANGKAH MEMPERTINGKATKAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Maka Laporan MLCPRC ini telah menyarankan beberapa perkara untuk menyemarakkan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Antara saranan yang diutarakan adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan visi Arif Budiman sebagai hasil pembelajaran bahasa Melayu yang diinginkan
2. Pembelajaran bahasa Melayu kepada tahap setinggi mungkin melalui program-program peningkatan MOE seperti Program Elektif Bahasa Melayu di Sekolah Menengah atau *Elective Malay for Secondary Schools* (EMAS) dan Program Bahasa Melayu Elektif atau *Malay Language Elective Programme* (MLEP)
3. Penekanan terhadap kemahiran bertutur kerana ia menjadi asas pembelajaran sesuatu bahasa
4. Pembelajaran mengikut kebolehan dan tahap kemampuan serta minat agar pelajar akan lebih terangsang untuk mempelajari bahasa Melayu

Pada tahun 2010 pula, sebuah lagi jawatankuasa semakan dibentuk untuk mengemas kini strategi pemupukan dan penggalakan penggunaan dan pembelajaran bahasa Melayu. Laporan jawatankuasa ini yang bertajuk Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap atau *Nurturing Active Learners and Proficient Users* (NALPU) (2011) telah mengenal pasti langkah-langkah pelaksanaan untuk pengajaran dan penilaian bahasa Melayu yang lebih efektif dan interaktif. Antara saranannya adalah menjadikan pengajaran bahasa Melayu lebih eksplisit dan penilaiannya lebih berstruktur dan relevan kepada pelajar tersebut.

Pengenalan kepada Konsep Pembelajaran Pembezaan

Laporan MLCPRC dan NALPU mengutarakan beberapa perkara penting. Antara yang paling penting sekali adalah keperluan penyesuaian pengajaran mengambil kira tahap pencapaian dan minat pelajar. Pembelajaran Pembezaan ataupun *Differentiated Instructions* (DI) merupakan satu pendekatan perancangan pengajaran yang menitikberatkan kebolehan dan keupayaan pelajar dalam mencapai hasil pendidikan yang diinginkan (*desired outcomes of education*). Pelopor DI, Carol Ann Tomlinson, menyatakan bahawa DI

“...means “shaking up” what goes on in the classrooms that students have multiple options for taking in information, making sense of ideas, and expressing what they learn. In other words, a differentiated classroom provides different avenues to acquiring content, to processing or making sense of ideas, and to

developing products so that each student can learn effectively". (Tomlinson 2005: 1)

Dalam erti kata lain DI berupaya merubah apa yang berlaku di dalam kelas di mana pelajar diberi pilihan yang pelbagai untuk mendapat maklumat, memahami idea, dan menyatakan apa yang telah dipelajari mereka. Oleh yang demikian, bilik darjah yang mengamalkan DI memberi wahana yang berbeza dalam pemerolehan pengisian, pemprosesan dan pemahaman idea, dan penjanaaan produk agar pelajar belajar dengan lebih berkesan lagi.

Konsep DI adalah seperti berikut,

Differentiated Instructions (DI) ataupun Pengajaran Pembezaan merujuk kepada pengajaran yang mengambil kira perbezaan keupayaan pelajar dari segi kemampuan kemahiran, tahap kognitif dan persediaan fizikal serta mental dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang dianggap sesuai. Menurut pakar DI Carol Ann Tomlinson,


Pelajar-pelajar yang sama umur tidak semestinya mempunyai saiz, hobi, personaliti, atau minat yang sama. (Tomlinson 2005: 1)

Tomlinson menambah bahawa DI bukanlah

1. *Individualized instruction* (pengajaran secara individu)
2. *Chaotic* (menimbulkan kekecohan)
3. *Providing homogeneous grouping* (menyediakan kumpulan yang serupa)
4. *Tailoring the same suit of clothes* (menyediakan satu templat untuk semua)

Beliau mengesyorkan bahawa DI adalah

1. *PROACTIVE*
2. *QUALITATIVE than quantitative*
3. *ROOTED IN ASSESSMENT*
4. *STUDENT CENTRED*
5. *A BLEND of whole-class, group, and individual instruction*
6. *ORGANIC*



Rajah Pembelajaran Pembezaan

Berdasarkan rajah yang tertera, pembelajaran pembezaan ataupun DI merupakan respons guru terhadap keperluan pelajar. Respons yang perlu diberikan oleh guru terhadap keperluan ini mestilah berdasarkan lima prinsip, iaitu

- i. Matlamat pembelajaran mestilah jelas dan bersesuaian dengan keupayaan pencapaian pelajar
- ii. Tugasan yang diberikan perlulah bermakna untuk pelajar dalam proses pembelajaran mereka
- iii. Tahap cabaran tugasan yang diberi perlulah sesuai dengan kemampuan pelajar. Jika perlu, perancah boleh disediakan untuk menolong pelajar melaksanakan tugasan yang diberi
- iv. Penubuhan kumpulan perlulah fleksibel dan tidak tertumpu berdasarkan pencapaian akademik sahaja. Kepelbagaian dalam sesuatu kumpulan itu dapat menolong interaksi sosial dan membantu dalam proses pembelajaran
- v. Penilaian pula perlulah berterusan, bersesuaian dan pelbagai agar pelajar mendapat manfaat sepenuhnya daripada proses yang dilalui

Selepas lima prinsip ini dikenal pasti dan diambil kira, guru perlu mengenal pasti bahagian apa yang hendak dibezakan atau pun hendak disesuaikan. Terdapat tiga bahagian utama dalam konteks DI yang boleh dibezakan.

- i. Pertama, dari aspek kandungan. Penyesuaian untuk kandungan boleh dilakukan melalui mempelbagaikan teks bacaan berdasarkan keupayaan membaca pelajar. Apa sahaja penyesuaian dari segi isi atau bahan pengajaran itu termasuk dalam bahagian ini.
- ii. Kedua, proses. Proses merujuk kepada pendekatan, kaedah atau teknik pengajaran yang digunakan guru. Oleh itu, pemilihan strategi pengajaran yang sesuai merupakan satu bahagian dalam DI.
- iii. Ketiga, produk. Hasil kerja pelajar juga boleh dipelbagaikan. Tidak tertumpu kepada penilaian dalam buku aktiviti sahaja atau kerta latihan, guru juga boleh mengadakan sesi perbincangan, penilaian reflektif atau pembentangan oleh pelajar.

Guru perlu membuat pilihan satu daripada tiga bahagian tersebut, dan perlu juga mengenal pasti alasan penyesuaian ini dilaksanakan. Tomlinson menyediakan tiga alasan yang boleh diambil kira.

- i. Tahap kesediaan pelajar. Aspek ini boleh dikenal pasti melalui pencapaian akademik pelajar berdasarkan keputusan ujian kelas atau peperiksaan sekolah. Penilaian diagnostik juga sesuatu yang baik dilakukan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar, terutamanya sekali pada awal tahun persekolahan.
- ii. Profil pelajar. Profiling pelajar merupakan maklumat penting yang guru perlu ada sebelum membuat sesuatu perancangan pengajaran. Profiling pelajar boleh dilaksanakan melalui borang soal selidik atau aktiviti yang berteraskan kebijaksanaan pelbagai atau Multiple Intelligence (MI).
- iii. Minat pelajar. Maklumat ini juga boleh didapati melalui borang soal selidik atau pengamatan guru itu sendiri. Perbezaan minat boleh berdasarkan peringkat umur, jantina, dsbnya.

Oleh yang demikian, seseorang guru yang mengamalkan DI akan menyesuaikan pengajarannya dari segi kandungan berdasarkan minat pelajar, atau menyesuaikan proses pengajaran

berdasarkan profil pelajar, atau menyesuaikan produk berdasarkan tahap kesediaan pelajar. Terdapat beberapa variasi yang boleh diambil kira. Sila lihat rajah seterusnya,

Templat DI

	Kandungan	Proses	Produk
Tahap Kesediaan	Teks yang pelbagai mengikut tahap keupayaan membaca pelajar	Tugasa atau aktiviti yang diberi bertahap-tahap kesukarannya	Jumlah kolum rubrik – 2/3 lebih mudah, 5 lebih sukar
Minat	Jigsaw	Lingkarana Sastera	Kriteria yang dibincangkan
Profil	Gambar rajah atau penyusun grafik untuk pelajar yang lebih visual	Format menu untuk kejayaan	Kombinasi ujian & portfolio untuk menilai hasil kerja pelajar

Menurut Tomlinson lagi, apabila guru menggunakan tahap kesediaan pelajar sebagai fokus untuk penyesuaian kandungan, proses ataupun produk, matlamat mereka adalah untuk mendorong pelajar keluar dari zon keselesaan dan berusaha lebih sedikit untuk mencapai kecemerlangan. Guru akan memberi sokongan agar pelajar akan merealisasikan potensi mereka ke tahap yang optimum.

Konsep DI ini merupakan satu komponen penting dalam bilik darjah Singapura di dalam lanskap pendidikan berteraskan kebolehan. Bersesuaian dengan konsep DI ini, MOE telah mengeluarkan beberapa inisiatif program intervensi untuk menolong golongan pelajar yang lemah. Antara program intervensi yang berjaya adalah Program Sokongan Pembelajaran Tambahan atau *Enhanced Learning Support Programme (LSP)*. Program LSP bertujuan untuk memberi sokongan tambahan kepada pelajar-pelajar darjah 1 yang lemah dalam lisan dan kemahiran permulaan literasi dalam bahasa Inggeris. Tiada program intervensi pada peringkat nasional yang disediakan untuk pelajar-pelajar bahasa Melayu setakat ini.

TRANSLANGUAGING

Hasil daripada kededua laporan ini, MOE telah mengeluarkan dana yang banyak untuk kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda dan bagaimana ia dapat dipertingkatkan dalam

suasana *English-knowing bilingualism* ini. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Institut Pendidikan Nasional dari segi penggunaan pendekatan bilingual atau dwi-bahasa. Antara kajian yang dijalankan adalah kajian penggunaan ‘*translanguaging*’ untuk pemahaman di dalam kelas membaca yang bertajuk “*Translanguaging in a reading class*” oleh Viniti Vaish dan Aidil Subhan (2015). Kajian ini menggunakan *translanguaging* sebagai teori asas dalam penilaian penggunaan bahasa Melayu sebagai perancah dalam pengajaran bahasa Inggeris di sebuah sekolah rendah di Singapura. Data diperolehi daripada satu kelas darjah 2 sekolah rendah yang sedang melalui program pembelajaran sokongan atau *Learning Support Programme* (LSP). LSP merupakan program intervensi bacaan dalam bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar peringkat rendah. Dapatan awal melalui kajian rintis ini menunjukkan bahawa *translanguaging* boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan pemahaman terhadap pengisian akademik (*academic content*) yang diajar. Secara khususnya, *translanguaging* melalui percakapan guru (*teacher talk*) adalah untuk membantu pemahaman (terdapat 41% pertukaran penggunaan bahasa—) dan menterjemah kosa kata (terdapat 39% pertukaran penggunaan bahasa). Penggunaan bahasa Melayu telah meningkatkan kadar interaksi antara guru dan pelajar dari 76%:20% pada hari pertama, dan bertambah kepada 47%:49% pada hari kelapan. Akhir sekali, perancah penggunaan bahasa Melayu telah merubah cara pelajar menjawab soalan kefahaman yang diberi. Pelajar lebih yakin berbicara di dalam kelas dan lebih berani memberi pandangan mereka.

Translanguaging merupakan sebuah konsep yang mana menurut Hornberger & Link (2012) “*in its original sense refers to the purposeful pedagogical alternation of languages in spoken and written, receptive and productive modes*”. Dalam erti kata lain, *translanguaging* ini merupakan satu pedagogi yang bermakna dalam penggunaan bahasa secara bertukar-tukar dalam bentuk pertuturan atau tulisan sebagai alat berkomunikasi. ‘*Trans*’ yang bermakna melampaui atau mengatasi. Dalam konteks ini, *translanguaging* dimaksudkan sebagai pedagogi pengajaran bahasa yang melampaui penggunaan bahasa yang disasarkan.

Menurut Canagarajah (2011) *translanguaging* adalah “*the ability of multilingual speakers to shuffle between languages, treating the diverse languages that form their repertoire as an integrated system*”. Dalam erti kata lain, *translanguaging* merujuk kepada kebolehan penutur pelbagai bahasa untuk bertukar dari satu bahasa ke bahasa yang lain, dan menjadikan kebolehan berbahasa mereka ke dalam satu sistem yang berintegrasi untuk komunikasi yang berkesan.

Kebolehan ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai, dan perlu dipupuk kebolehan tersebut melalui latihan yang bersistematik ataupun pendedahan yang berterusan.

Apakah perbezaan antara *translanguaging* dan *code-switching*. Menurut Garcia dan Wei (2014),

“Translanguaging differs from the notion of code-switching in that it refers not simply to a shift or a shuttle between two languages, but to the speakers’ construction and use of original and complex interrelated discursive practices that cannot be easily assigned to one or another traditional definition of language, but that make up the speakers’ complete language repertoire.”

Perbezaannya adalah, *translanguaging* bukan setakat menukar-nukar penggunaan bahasa dari satu bahasa ke satu yang lain. Ia lebih dari itu. Ia meliputi penggunaan bahasa yang sesuai berdasarkan keperluan dan konteks, yang dapat menolong si penutur berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan terutama sekali di Barat mengenai kebaikan penggunaan pendekatan *translanguaging* dalam pembelajaran bahasa. Antaranya adalah *translanguaging* dapat menolong pelajar melaksanakan tugas pengajaran dengan lebih berkesan (Lin & Martin 2005; Arthur & Martin 2006), dapat mengimbangi penggunaan bahasa yang pelbagai di dalam kelas secara lebih berkesan (Canagarajah 2011), meningkatkan keyakinan diri serta memotivasi pelajar untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti kelas (Creese & Blackledge 2008; Lin 1999), dan akhir sekali, ia memaksimumkan pembelajaran di dalam kelas (Hornberger 2005).

Dari segi perlaksanaan pengajaran dengan lebih berkesan, kajian menunjukkan bahawa *translanguaging* berupaya menyampaikan mesej guru dengan lebih mudah, pelajar juga dapat memahaminya dengan lebih cepat, meningkatkan pemahaman mengenai perkara yang diajar, pelajar dapat menggunakan apa sahaja bahasa yang mereka inginkan untuk menyampaikan pendapat atau dalam aktiviti kolaboratif, fokus terhadap fungsi bahasa dan bukan bentuk bahasa, meningkatkan motivasi pelajar dan partisipasi di dalam kelas semasa sesi perbincangan.

KAJIAN PENDEKATAN TRANSLANGUAGING DALAM KELAS BAHASA MELAYU

Oleh yang demikian, kajian lanjutan telah dijalankan di sebuah sekolah rendah kejuruan di Singapura untuk melihat sama ada pendekatan *translanguaging* ini boleh dilaksanakan di dalam kelas bahasa Melayu, iaitu menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran bahasa Melayu. Sekolah tersebut dipilih kerana kawasan sekolahnya yang terdiri daripada kawasan perumahan

baharu dan kumpulan sosio-ekonomi yang tinggi, iaitu ibu bapa muda dan berpendidikan GCE Peringkat A atau Politeknik ke atas dan tinggal di rumah 4 bilik ke atas. Berdasarkan Banci Penduduk Singapura 2010, kumpulan sosio-ekonomi tinggi lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris di rumah berbanding dengan kumpulan sosio-ekonomi yang rendah. Guru di sekolah tersebut juga telah menyatakan bahawa pelajar-pelajarnya gemar bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun di dalam kelas bahasa Melayu. Oleh itu, beliau mencadangkan penggunaan pendekatan *translanguaging* untuk melihat sama ada ia dapat menolong pelajar-pelajarnya untuk meningkatkan pemahaman terutama sekali dalam pengajaran kefahaman. Fokusnya terhadap pemahaman teks, perluasan kosa kata dan pemahaman konsep kata.

Kajian telah dijalankan selama 2 minggu dan pantauan terhadap 5 pengajaran selama 60 minit bagi setiap pengajaran. Hasil kajian awal menunjukkan bahawa pelajar semakin berminat untuk mengambil bahagian di dalam kelas *translanguage*. Ini mungkin bersebab dari langkah yang mana bahagian-bahagian tertentu pengajaran dijalankan dengan menggunakan bahasa kelaziman pelajar, iaitu bahasa Inggeris, walaupun bahasa sasarannya adalah bahasa Melayu. Jumlah pelajar yang dapat menjawab soalan kefahaman juga meningkat, dan ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pemahaman teks jika penerangan atau perbincangan mengenainya dapat diselitkan dengan penggunaan bahasa yang pelajar selesa.

Berdasarkan keddua kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa kriteria yang perlu ditentukan sebelum pendekatan *translanguage* ini boleh dilaksanakan.

- i. Perlu terdapat keperluan yang mendadak, iaitu pelajar sememangnya lemah dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu dalam kes ini, dan fasih dalam bahasa lain yang mereka lazim gunakan, iaitu bahasa Inggeris.
- ii. Perlu tentukan tenaga pengajar fasih bertutur dan mengajar dalam keddua bahasa yang digunakan agar tidak timbul kesalahan penggunaan bahasa
- iii. Perlu kenal pasti aspek bahasa apa yang hendak ditekankan. Contohnya keddua kajian yang diutarakan menekankan aspek pemahaman kosa kata dan penglibatan pelajar di dalam kelas
- iv. Namun, dalam proses melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa permasalahan yang timbul. Permasalahan utama adalah meyakinkan pihak MOE bahawa pendekatan *translanguage* ini perlu diberi ruang dan masa untuk diuji cuba di dalam kelas. Pihak

MOE berpegang kepada ideal bahawa pengajaran bahasa itu hanya boleh dilaksanakan melalui bahasa sasaran sahaja, iaitu konsep monolingual. Pendekatan bilingual juga telah menunjukkan kesan seperti yang telah saya nyatakan dalam kajian-kajian di Barat. Pengkaji dapati bahawa masalah utamanya adalah kenyataan menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajari bahasa Melayu atau menggunakan bahasa Melayu untuk mempelajari bahasa Inggeris. Untuk mengatasi permasalahan ini, saya telah memilih pendekatan menggunakan istilah bahasa sasaran dan bahasa lazim. Oleh itu, di dalam konteks kajian yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan bahasa lazim sebagai perancah untuk mencapai objektif pembelajaran dalam bahasa sasaran. Bahasa lazim yang dimaksudkan ini adalah bahasa Inggeris dan bahasa sasarannya adalah bahasa Melayu. Dengan perubahan ini, pengkaji dapati bahawa pihak MOE lebih menerima hakikat pengajaran menggunakan dwi-bahasa di dalam kelas. Semoga perubahan ini akan membuka ruang berterusan untuk kajian lanjutan dijalankan dalam kita mencari program intervensi yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura.

PENUTUP

Translanguaging merupakan satu daripada banyak lagi pendekatan intervensi yang boleh digunakan untuk mengatasi keadaan dwi-bahasa di Singapura yang mana bahasa dominannya bahasa Inggeris. Pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda, bukan sahaja bahasa Melayu, tercabar dengan fenomena 'English-knowing Bilingualism' ini. Kajian yang dijalankan ini hanya merupakan kajian perintis. Kajian yang lebih luas dan lama perlu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada program intervensi yang sesuai bagi pelajar-pelajar bahasa Melayu yang lemah dalam mata pelajaran tersebut.

RUJUKAN

Arthur, J., & Martin, P. 2006. Accomplishing lessons in postcolonial classrooms: Comparative perspectives from Botswana and Brunei Darussalam. *Comparative Education* 42: 177–202 A

Census of Population 2010. Statistical Release 1, Demographic characteristics, education, language and religion. 2011. Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry.

Creese, A., & Blackledge, A. (2008, March). *Flexible bilingualism in heritage language schools. Paper presented at Urban Multilingualism and Intercultural Communication*, Antwerp, Belgium.

García, O. 2009. *Bilingual education in the 21st century: A global perspective*. Oxford, UK: Wiley-Blackwell.

Goh Keng Swee & the Education Study Team. 1979. Report On the Ministry of Education 1978. MOE.

Canagarajah, A. S. 2011. Translanguaging in the classroom: Emerging issues for research and pedagogy. *Applied Linguistics Review* 2: 1-28.

Garcia, O. & Wei, L. 2014. *Translanguaging: Language, Bilingualism and Education*. UK: Palgrave Macmillan.

Hornberger, N. H. 2005. Opening and filling up implementational and ideological spaces in heritage language education. *Modern Language Journal* 89: 605–609.

Hornberger, N. H. & Link, H. 2012. Translanguaging & transnational literacies in multilingual classrooms: A biliteracy lens. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism* 15(3): 261-278.

Lin, A. M. Y. 1999. Doing-English-lessons in the reproduction or transformation of social worlds? *TESOL Quarterly* 33: 393–412.

Lin, A. M. Y., & Martin, P. 2005. (Eds.). *Decolonisation, globalisation: Language-in-education policy and practice*. Clevedon, UK: Multilingual Matters.

Ministry of Education. 2005. *Report of the Malay Language Curriculum and Pedagogy Review Committee*. Singapore: National Photo Engravers.

Ministry of Education. 2011. *Nurturing Active Learners and Proficient Users: 2010 Mother Tongue Languages Review Committee*. Singapore.

Mohamed Aidil Subhan. 2003. Planning for Malay Language in Education: Lessons of History and Present Ecology. Centre for Research in Pedagogy & Practice, NIE.

Pakir, Anne. 1991. The range and depth of English-knowing bilinguals in Singapore. *World Englishes* 10(2): 167-179.

Pakir, Anne. 2004. 'Medium-of-Instruction Policy in Singapore' In Tollefson, James W. & Tsui, Amy B., *Medium of Instruction Policies: Which Agenda? Whose Agenda?* LEA: New Jersey

Report of the All Party Committee of the Singapore Legislative Assembly on Chinese Education. 1956. Singapore Government.

Tomlinson, C.A. 2005. *How To Differentiate Instruction In Mixed-Ability Classrooms (2nd Edition)*. USA: Pearson Education.

Vaish, Viniti & Aidil Subhan. 2015. "Translanguaging in a reading class". *International Journal of Multilingualism* 12(3): 338-357.

Mohamed Aidil Subhan Mohamed Sulor
Bahagian Bahasa dan Kebudayaan Asia
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang
Singapura
E-mel: aidil.subhan@nie.edu.sg

Diserahkan: 05 April 2017
Diterima: 12 Oktober 2017